



Ruj. Kami : JPA(I)175/21/2-41 klt 25()
Tarikh : 02 Februari 2023

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1

KURSUS PERSEDIAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) SIRI 2/2023

Dengan hormatnya, sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan Perkhidmatan Awam mengucapkan tahniah kepada tuan/puan kerana telah ditawarkan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan (CBBPHLP) bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) / Ijazah Sarjana (Secara Penyelidikan).

3. Sehubungan itu, bagi memenuhi sebahagian daripada syarat tawaran CBBPHLP, tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri Kursus Persediaan HLP yang akan dilaksanakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 20 Februari 2023 - 10 Mac 2023 (15 hari berkursus)
Masa : 8.30 pagi – 4.30 petang (Rujuk jadual kursus di Lampiran 2)
Tempat : Bilik Kuliah Mutiara 4 dan 5
Blok Akademik, INTAN Bukit Kiara
Pendaftaran Kursus : <https://www.dtims.intan.my/>
(Tuan/puan hendaklah membuat pendaftaran kursus di pautan ini)

4. Kerjasama Ketua Jabatan adalah dimohon untuk memberi pelepasan kepada pegawai untuk menghadiri kursus ini pada tarikh yang ditetapkan bagi memastikan pegawai berjaya lulus dalam sesi penilaian yang akan dilaksanakan.

5. Untuk makluman, keperluan kursus yang perlu dibawa oleh tuan/puan adalah komputer riba, kertas cadangan penyelidikan yang telah dibentangkan semasa permohonan HLP dan menyediakan wang tunai sebanyak RM50.00 bagi tujuan pembayaran yuran kursus kepada pihak INTAN. Selain itu, kemudahan makan minum akan disediakan oleh pihak penganjur. Peserta yang tinggal di luar Lembah Klang boleh berhubung dengan pihak INTAN berkaitan urusan penginapan. Bagi tuntutan perjalanan, pastikan perbelanjaan berhemat di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.4/2022 dan WP 1.10/2022 dipatuhi. Tuntutan perjalanan boleh dibuat kepada Jabatan masing-masing.

6. Tuan/puan boleh menghubungi pihak urus setia INTAN seperti berikut sekiranya terdapat sebarang kemusykilan:

Nama : Muhammad Fikri bin Ramli
No. Tel/emel : 03-2084 7339/ fikri@intanbk.intan.my

Nama : Nor Baizura binti Mohd Noordin
No. Tel/emel : 03-2084 7366/ nbaizura@intanbk.intan.my


7. Tuan/puan juga hendaklah memberikan komitmen penuh terhadap kursus ini dan memastikan hadir ke kelas lebih awal sebelum kuliah bermula. Adalah diharapkan agar tuan/puan dapat menghadiri keseluruhan modul dan menamatkan kursus ini dengan jayanya. Kerjasama dan perhatian tuan/puan di dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(RUGAYAH BINTI ABDUL HAMID)
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.

TPBK(I)

Pengarah
Institut Tadbir Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur
Malaysia
(u.p. : Encik Abkari bin Abdullah - Ketua Pusat
Pusat Pembangunan Kejurulatihan dan Pengajian Lanjutan)

PERHATIAN: Surat ini perlu dicetak sendiri oleh pegawai untuk simpanan. Pegawai bertanggungjawab menyerahkan salinan surat ini kepada Ketua Jabatan untuk tindakan selanjutnya.